



SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/04/06_28 (HQ)

TIP PENJIMATAN PENGGUNAAN TENAGA KETIKA MUSIM CUACA PANAS

Berikutan laporan Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) menjangkakan cuaca panas akan berlarutan sehingga Mei ini, sebelum beransur reda pada Jun, **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** menasihatkan pengguna mengamalkan penggunaan pendingin hawa secara bijak kerana ia boleh mengakibatkan atau menjerus kepada penggunaan tenaga yang tinggi.

Antara langkah-langkah menjimatkan penggunaan tenaga, terutama pendingin hawa yang mudah dipraktikkan adalah :-

- i. Melaraskan suhu sistem pendingin hawa di antara 24 ke 26 darjah celsius.
- ii. Menukar atau membersihkan penapis pendingin hawa dengan kerap untuk memaksimumkan potensi penyejukan unit tersebut. Penapis yang kotor menghalang edaran udara dan mengurangkan kecekapan pendingin hawa.
- iii. Selain itu, menyenggara pendingin hawa secara kerap juga boleh membantunya beroperasi pada tahap optimum.
- iv. Menutup semua pintu dan tingkap serta lubang edaran udara untuk memastikan udara sejuk tidak keluar dari bilik.
- v. Pada waktu malam, pasang kipas dan tetapkan masa untuk pendingin hawa dipadamkan. Selalunya suhu bilik akan mencecah tahap yang selesa selepas beberapa jam pendingin hawa dipasang. Namun, kos menggunakan kipas adalah lebih murah selain membantu pengedaran udara di dalam bilik.

Pengguna juga digalakkan untuk menggantikan pendingin hawa yang lama kerana ia tidak lagi cekap setelah bertahun-tahun digunakan.

Pengguna yang ingin membeli pendingin hawa baharu dicadangkan supaya memilih model yang mempunyai bilangan bintang kecekapan tenaga paling tinggi. Lebih banyak bintang bermaksud peralatan tersebut lebih cekap tenaga.

Pemilihan saiz dan jenis pendingin hawa yang tepat iaitu bersesuaian dengan saiz ruang bilik juga penting. Ia kerana kapasiti kuasa kuda (horsepower) pendingin hawa yang terlebih besar bukan sahaja lebih mahal untuk dibeli dan dipasang, malah menggunakan tenaga elektrik yang lebih tinggi.

Untuk maklumat tambahan berkaitan penjimatan elektrik yang bijak, sila layari www.tnb.com.my.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 6 April 2022, jam 10:00 pagi
*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /
Grace Tan 016-6626229 / Asma' Razak 013-2505433
atau emel kami: media@tnb.com.my*



Menakar atau membersihkan penapis pendingin hawa dengan kerap untuk memaksimumkan potensi penyejukan unit tersebut. Penapis yang kotor menghalang edaran udara dan mengurangkan kecekapan pendingin hawa